



Piawaian Tatakelakuan Perniagaan Global

Tarikh pengemaskinian terakhir: Januari 2023

Piawaian Tatakelakuan Perniagaan Global

Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) kita, John Panichella	3
Gambaran Keseluruhan	4
Tanggungjawab dan Akauntabiliti Anda.....	4
Program Pematuhan	5
Perakuan Pematuhan Tatakelakuan Tahunan	5
Rangka Kerja** Keprihatinan yang Bertanggungjawab	6
Membuat Keputusan yang Baik	6
Tanggungjawab terhadap Satu Sama Lain	6
Hak Asasi Manusia	6
Sikap Hormat-Menghormati	7
Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman	7
Pencegahan Gangguan	7
Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan	7
Penyalahgunaan Dadah	8
Keselamatan	8
Tanggungjawab Terhadap Solenis.....	9
Rekod Perniagaan	9
Integriti Kewangan	9
Pencegahan Pengubahan Wang Haram	10
Melindungi Maklumat Sulit dan Harta Intelekt.....	10
Privasi	11
Melindungi Aset Syarikat	11
Memberikan Respons kepada Media	11
Konflik Kepentingan; Pendedahan.....	11
Tanggungjawab kepada Pasaran.....	12
Amalan Pemasaran	12
Amalan Pembelian.....	12
Pengawasan Produk.....	12
Risikan Saingan dan Pengumpulan Maklumat Lain	13
Antipakat dan Persaingan.....	13
Peraturan Perdagangan Antarabangsa	13
Antirasuah.....	14
Tanggungjawab kepada Komuniti dan Kerajaan.....	15
Komuniti	16
Aktiviti Politik	16
Permintaan daripada Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa	16

Destinasi untuk Mendapatkan Bantuan, Membuat Laporan dan Berkongsi Kekhuatiran	16
Dasar Tiada Tindakan Membalas Dendam	17
Maklumat Am	17

Tarikh Semakan: Januari 2023


Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) kita, John Panichella

Apabila kita terus melangkah maju dalam perjalanan ini, satu aspek asas Solenis tidak akan berubah: kita mesti sentiasa mengekalkan piawaian tertinggi untuk tanggungjawab dan etika perniagaan. Kita mempunyai semangat yang membara untuk mengembangkan syarikat dan budaya kita berdasarkan asas nilai teras yang terdiri daripada sikap hormat-menghormati, integriti dan akauntabiliti. Dasar bagi asas ini ialah Piawaian Tatakelakuan Perniagaan Global kita, juga dirujuk sebagai Tatakelakuan. Kejayaan di Solenis bergantung pada fokus kita yang teguh terhadap Budaya Deliberate EthicsSM (Etika yang Direncanakan). Deliberate Ethics ialah pemikiran yang bertujuan untuk memacu dan mengekalkan budaya prestasi tinggi sambil menitikberatkan nilai teras kita melalui tingkah laku dan kata-kata serta memastikan Tatakelakuan sebagai perkara utama. Ini merupakan tanggungjawab semua pekerja, pegawai dan pengarah Solenis, di seluruh dunia.

Tatakelakuan kita ialah panduan tentang cara untuk menjalankan perniagaan secara global di Solenis. Hayati Tatakelakuan ini, baik yang tersurat mahupun yang tersirat! Apabila panduan yang tersurat tidak dinyatakan dengan khusus, semangatnya yang tersirat hendaklah diutamakan.. Terima kasih kerana mematuhi Tatakelakuan, menghidupkan nilai teras kita dan membantu memastikan Solenis kekal sebagai warga pasaran yang dihormati dan beretika.



Salam Sejahtera,



John Panichella

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

Gambaran Keseluruhan

“Jenama Solenis dihargai dan dihormati secara global bukan sahaja kerana produk dan peralatan yang kita hasilkan, penyelesaian yang kita janakan dan nilai yang kita cipta, tetapi juga kerana cara kita menjalankan perniagaan dan beroperasi di pasaran. Cara kita melaksanakan setiap tindakan memberi makna dan kesan kepada rakan sekerja, pelanggan, pelabur, rakan perniagaan serta komuniti kita. Nilai yang kita peroleh daripada mengamalkan pendekatan Deliberate Ethics secara konsisten tidak pernah sejelas ini.”

– Royce Warrick, Naib Presiden Kanan, Ketua Penasihat Undang-Undang

Sebagai sebuah syarikat global, kita mengakui cabaran yang dihadapi ketika beroperasi di seluruh dunia. Di samping kita mematuhi pelbagai undang-undang yang berkenaan di peringkat antarabangsa, kita juga berhati-hati untuk tidak melanggar pelbagai adat resam dan undang-undang negara di tempat kita beroperasi. Jika pematuhan terhadap Tatakelakuan atau dasar korporat atau tatacara lain kelihatan bercanggah dengan undang-undang atau peraturan antarabangsa atau tempatan, pekerja haruslah membincangkan kekhuatiran mereka dengan Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan.

Semua pekerja, pengarah dan pegawai Solenis, walau di mana mereka berada, diharapkan agar mematuhi Tatakelakuan. Mana-mana rakan perniagaan, termasuk mana-mana ejen, kontraktor, pengedar, perunding atau wakil pihak ketiga yang lain, yang bertindak bagi pihak Solenis di mana-mana negara, hendaklah diberikan salinan Tatakelakuan dan diharapkan agar mematuhi keperluan Tatakelakuan ini. Dasar dan tatacara khusus menyokong dan melengkapkan Tatakelakuan dan mengawal tingkah laku perniagaan yang wajar. Dasar syarikat kita boleh didapati di solenis.com dan di Intranet syarikat.

Sebarang pengecualian kepada peruntukan yang terkandung dalam Tatakelakuan atau mana-mana dasar yang berkaitan memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan tafsiran tentang undang-undang, peraturan atau dasar yang khusus, sila hubungi Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan.

Tanggungjawab dan Akauntabiliti Anda

Kita menghadapi cabaran dan keputusan yang sukar setiap hari. Setiap seorang daripada kita bertanggungjawab untuk membuat keputusan yang baik supaya sebagai sebuah syarikat, kita menunaikan komitmen untuk bertindak selaras dengan nilai teras kita iaitu rasa hormat, integriti dan akauntabiliti. Kita semua diharapkan agar memahami dan mematuhi peruntukan Tatakelakuan, dasar dan tatacara, serta undang-undang dan sentiasa menjalankan perniagaan syarikat dengan piawaian undang-undang dan etika yang tertinggi.

Pelanggaran Tatakelakuan, mana-mana dasar syarikat atau undang-undang yang berkenaan dilarang dengan jelas dan sentiasa bercanggah dengan kepentingan terbaik kita. Jika anda melakukan sesuatu pelanggaran, anda dan, dalam beberapa kes, syarikat mungkin menghadapi akibat yang serius. Akibat peribadi boleh merangkumi tindakan disiplin, penamatan pekerjaan dan tuntutan kerosakan. Tambahan lagi, beberapa pelanggaran boleh mengakibatkan pendakwaan jenayah terhadap pekerja yang terbabit, syarikat dan/atau pegawai serta pengaruh syarikat.

Jika anda menerima maklumat atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa syarikat kita, pekerja lain atau mana-mana individu yang bertindak bagi pihak kita, telah melanggar atau sedang melanggar Tatakelakuan, mana-mana dasar syarikat atau undang-undang, anda mestilah melaporkan hal ini dengan segera melalui halaman Kongsikan Kekhuatiran Anda di Intranet syarikat atau dengan menghubungi Jabatan Undang-Undang, atau Pejabat Etika dan Pematuhan atau pengurus anda. Undang-undang, peraturan, dasar dan tatacara khusus di negara anda mungkin mengandungi keperluan pelaporan tambahan atau batasan yang mesti dipatuhi.

Anda boleh melaporkan sebarang pelanggaran yang disyaki secara sulit dan tanpa sebarang ketakutan terhadap tindakan membalas dendam. Kami tidak akan bertoleransi terhadap mana-mana tindakan balas, gangguan atau tindakan membalas dendam terhadap sesiapa sahaja yang dengan jujur melaporkan pelanggaran yang diketahui atau disyaki. Syarikat akan menyiasat sebarang dakwaan tindakan balas dan akan mengenakan tindakan tatatertib terhadap pekerja yang melakukan tindakan sedemikian terhadap individu yang melaporkan kemungkinan salah laku. Untuk maklumat lanjut, sila lawati halaman Kongsikan Kekhuatiran Anda di laman Intranet syarikat.

Semua pekerja dikehendaki untuk memberikan kerjasama penuh kepada syarikat semasa siasatan dilakukan dan mengekalkan kerahsiaan demi memelihara integriti siasatan. Kegagalan untuk memberikan kerjasama atau memberikan maklumat yang salah atau mengelirukan semasa siasatan boleh membawa kepada tindakan berat sehingga dan termasuk penggantungan, penamatan pekerjaan atau kedua-duanya.

Program Pematuhan

Tatakelakuan ini ialah asas kepada program pematuhan kita yang komprehensif di seluruh dunia, menegaskan komitmen kita terhadap nilai teras, undang-undang dan piawaian etika yang tinggi. Program ini memerlukan latihan dan pendidikan untuk pekerja, penyempurnaan penilaian dan audit pematuhan, serta mendorong akauntabiliti peribadi melalui komunikasi dan inisiatif kesedaran. Pejabat Etika dan Pematuhan serta eksekutif kanan memberikan pengawasan dan arahan untuk program ini.

Perakuan Pematuhan Tatakelakuan Tahunan

Pada setiap tahun, semua pekerja Solenis dikehendaki meneliti Tatakelakuan, mengesahkan pematuhan dengan peruntukan dan dasar yang menyokong peruntukan ini, dan sebagai sebahagian daripada proses yang sama, melaporkan sebarang pelanggaran Tatakelakuan atau dasar yang diketahui atau disyaki dan juga melaporkan situasi konflik kepentingan. Kami akan membuat susulan dan menyiasat, mengikut keperluan, mana-mana isu yang dilaporkan semasa proses pengakuan.

Rangka Kerja Keprihatinan yang Bertanggungjawab**

Pekerja Solenis berusaha mencapai kecemerlangan dalam prestasi global berkaitan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan. Rangka kerja Keprihatinan yang Bertanggungjawab mencerminkan fokus ini dan merupakan bahagian yang penting dalam nilai dan prinsip operasi kita. Kita mengintegrasikan aktiviti dan kesedaran berkaitan alam sekitar, kesihatan serta keselamatan ke dalam perancangan perniagaan dan amalan operasi, sambil menetapkan akauntabiliti di semua peringkat dalam organisasi. Semua individu diharapkan untuk bertindak dengan integriti dan kejujuran demi mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, melindungi kesihatan manusia dan mematuhi undang-undang.

Membuat Keputusan yang Baik

Walaupun Tatakelakuan menekankan prinsip utama yang membimbing tingkah laku kita, Tatakelakuan ini tidak boleh menangani segala situasi. Sekiranya berlaku situasi yang tidak dibincangkan dalam Tatakelakuan ini, atau anda tidak pasti tentang tindakan yang betul untuk diambil ataupun cara melaksanakan Tatakelakuan ini, pertimbangkan beberapa soalan asas berikut sebelum bertindak:

- Adakah perkara itu sah di sisi undang-undang?
- Adakah perkara itu konsisten dengan Tatakelakuan?
- Adakah perkara itu mematuhi dasar syarikat kita?
- Adakah tindakan saya akan mencemarkan reputasi saya atau reputasi syarikat?
- Adakah saya akan berasa malu jika tindakan saya diketahui oleh orang ramai atau muncul di Internet?
- Adakah saya sanggup dipertanggungjawabkan untuk tindakan saya?
- Adakah saya telah melibatkan semua orang yang betul apabila membuat keputusan ini?

Jika anda masih lagi ragu-ragu tentang perkara yang patut dilakukan, dapatkan bimbingan daripada Jabatan Undang-Undang, Pejabat Etika dan Pematuhan, Jabatan Sumber Manusia, pengurus anda, atau tanyakan soalan melalui halaman Intranet syarikat Kongsikan Kekhuatiran Anda.

Tanggungjawab terhadap Satu Sama Lain

Kita percaya kita harus melayani individu, termasuk pihak ketiga dengan bermaruah dan penuh hormat. Sebagai pekerja, kita hendaklah sentiasa bertanggungjawab terhadap tindakan sendiri serta mengekalkan piawaian profesional yang tinggi, dengan integriti dan saling menghormati sebagai asas kepada semua hubungan profesional.

Hak Asasi Manusia

Sebagai sebuah organisasi multinasional, Solenis sentiasa beriltizam untuk memupuk budaya yang menghormati hak asasi di seluruh operasi, rantai bekalan dan aktiviti kita yang berkaitan dengan perniagaan kita. Kita mengawasi dan menilai aktiviti kita, memberikan bukti dan melibatkan diri secara aktif dengan pihak berkepentingan pihak ketiga yang mengiktiraf komitmen kita. Solenis mematuhi norma dan prinsip dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia dan perjanjian multinasional utama yang lain serta berusaha untuk menyemai amalan hak asasi manusia melalui pelbagai usaha yang merangkumi latihan, kempen komunikasi dan dialog terbuka. Kita mempunyai mekanisme pelaporan untuk memastikan kekhuatiran didengari. Apabila pelanggaran hak asasi manusia telah dikenal pasti, kita akan melaksanakan pemulihan yang wajar.

Sikap Hormat-Menghormati

Semua pemohon pekerjaan dan pekerja semasa kita diadili mengikut kelayakan, kemahiran yang ditunjukkan dan pencapaian tanpa mengira umur, ketidakupayaan, jantina, ciri genetik, negara asal, bangsa, warna kulit, agama, orientasi seksual, status veteran, keahlian kesatuan sekerja atau mana-mana ciri peribadi yang dilindungi oleh undang-undang. Kita komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang profesional dan selamat, bebas daripada keganasan, ugutan, diskriminasi dan gangguan.

Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman

Solenis menjalankan perniagaan di lebih daripada 120 buah negara. Semua pekerja kita yang terdiri daripada pelbagai kewarganegaraan dan bekerja di lebih daripada 40 buah negara mencerminkan operasi kita dalam pelbagai budaya dan pasaran. Kita menghargai kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman sebagai kelebihan persaingan, dan percaya bahawa kepelbagaian pekerja kita dalam persekitaran yang terangkum dan saksama menjadikan kita lebih kreatif, tangkas dan efektif dalam menyampaikan teknologi dan penyelesaian inovatif kepada pelanggan dan mempertingkatkan nilai Solenis. Kita komited untuk membina tenaga kerja dengan pekerja daripada pelbagai latar belakang, identiti, pengalaman dan perspektif serta komited untuk memupuk budaya kerja yang menerima baik, merangkumi dan meraikan serta memanfaatkan perbezaan ini.

Pencegahan Gangguan

Solenis komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan atau tingkah laku yang tidak profesional, menjadikan persekitaran kerja ini sebagai tempat individu dilayan dengan hormat dan bermaruah. Gangguan dalam sebarang bentuk adalah dilarang, sama ada gangguan yang dialami atau dilakukan oleh pekerja, pelanggan, pembekal, vendor, kontraktor atau pelawat.

Gangguan ialah tingkah laku yang tidak diingini, sama ada secara lisan, bukan lisan atau fizikal, yang dibuat berdasarkan umur sebenar atau umur yang disangkakan, ketidakupayaan, jantina, ciri genetik, negara asal, bangsa, warna kulit, agama, orientasi seksual, status veteran atau status kumpulan yang dilindungi lain. Gangguan ini merangkumi tindakan seksual yang tidak diingini, permintaan untuk pertolongan seksual atau tingkah laku secara lisan atau fizikal yang mendera atau tidak diingini. Pekerja digalakkan untuk membantu antara satu sama lain dengan bersuara apabila tingkah laku seseorang individu membuatkan mereka berasa tidak selesa dan diharapkan agar melaporkan dengan segera sebarang tingkah laku yang dipercayai sebagai tidak konsisten dengan Tatakelakuan atau dasar syarikat kita.

Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan

Sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap Rangka Kerja Keprihatinan yang Bertanggungjawab dan peningkatan prestasi yang berterusan, kita komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat bagi semua pekerja dan komuniti di tempat kita beroperasi. Untuk mencapai matlamat ini, setiap daripada kita mesti memupuk budaya yang menghalang dan mencegah insiden yang negatif berkaitan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan. Kita komited terhadap dan mempercayai budaya keselamatan insiden sifar. Budaya insiden sifar tidak berlaku dengan sendirinya. Ia terhasil daripada sikap dan pemikiran positif yang sentiasa berusaha mencapai piawaian keselamatan bertaraf dunia. Pekerja kita bertanggungjawab atas tindakan mereka kerana mereka diberikan kuasa untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat. Kejayaan bergantung pada komitmen yang tulus, prinsip operasi asas, wawasan

yang disampaikan dengan jelas dan yang paling penting, suasana perniagaan yang semua pekerja mengambil berat antara satu sama lain.

Keselamatan didekati secara proaktif. Tingkah laku keselamatan yang positif, di samping risiko dan bahaya yang berpotensi, dikenal pasti. Bimbingan atau dibimbing untuk keselamatan diterima tanpa perasaan takut terhadap tindakan membalas dendam. Jika sesuatu insiden berlaku, susulan ke atas peristiwa itu diakui sebagai penting untuk menentukan punca utama supaya tindakan pencegahan dapat diambil untuk meminimumkan kemungkinan insiden tersebut atau insiden yang serupa berlaku lagi. Dalam persekitaran ini, budaya insiden sifar menjadi norma.

Semua individu bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan amalan yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Ini merangkumi melaporkan insiden, kecederaan dan amalan atau keadaan yang tidak selamat dengan segera dan mengambil tindakan yang wajar dan tepat pada masanya untuk membetulkan keadaan yang tidak selamat.

Penyalahgunaan Dadah

Kesihatan dan keselamatan semua pekerja, serta kualiti dan produktiviti yang dituntut oleh pelanggan dan pengguna, menuntut agar kita hadir bekerja tanpa dipengaruhi oleh sebarang bahan yang boleh menjejaskan keupayaan untuk melaksanakan tugas dengan selamat dan berkesan. Penggunaan, pemilikan atau pengedaran dadah atau alkohol yang tidak dibenarkan semasa menjalankan perniagaan syarikat atau semasa berada di tempat kerja perniagaan adalah dilarang.

Sesiapa yang mempunyai masalah penyalahgunaan dadah digesa untuk mendapatkan pertolongan dengan menghubungi Jabatan Sumber Manusia atau Program Bantuan Pekerja syarikat.

Rekod yang berkaitan dengan kaunseling penyalahgunaan dadah dan Program Bantuan Pekerja dirahsiakan, kecuali pendedahan yang dikehendaki oleh dasar syarikat kita, undang-undang yang berkenaan atau untuk melindungi kehidupan atau keselamatan orang lain. Pendaftaran dalam program rawatan tidak akan mengecualikan anda daripada akibat pelanggaran Tatakelakuan atau akibat dasar syarikat.

Keselamatan

Untuk keselamatan, pemilikan senjata api dan senjata lain adalah dilarang di semua premis kita atau ketika terlibat dalam perniagaan syarikat melainkan kelulusan secara bertulis telah diperoleh terlebih dahulu daripada Ketua Penasihat Undang-Undang Solenis.

Solenis dengan tegas melarang tindakan membuli, keganasan atau ancaman keganasan di tempat kerja. Jika anda atau individu lain di tempat kerja diancam atau ditindas dengan tingkah laku ini, hubungi Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-Undang, Pejabat Etika dan Pematuhan dengan segera atau dapatkan bantuan melalui halaman Intranet syarikat Kongsi Kekhawatiran Anda.

Apabila dibenarkan oleh undang-undang, kenderaan dan barangan peribadi (seperti beg tangan, bekas makanan, bagasi, bungkusan dan komputer) pekerja dan individu lain yang memasuki tempat kerja Solenis akan tertakluk pada pemeriksaan. Solenis juga berhak untuk

memeriksa semua ruang kerja pekerja (seperti meja, kabinet, fail dan lokar). Tambahan lagi, Solenis boleh menjalankan siasatan latar belakang penuh terhadap semua pemohon pekerjaan yang berkemungkinan diambil bekerja sebelum atau semasa tempoh pekerjaan dan boleh mengenakan pemeriksaan dadah sebagai syarat untuk mendapatkan pekerjaan atau meneruskan pekerjaan.

Kita beroperasi di lokasi yang mungkin menyekat atau menghalang siasatan latar belakang, pemeriksaan dadah atau pemeriksaan barangan peribadi. Kita akan mematuhi mana-mana undang-undang yang berkenaan.

Tanggungjawab Terhadap Solenis

Penting bagi semua pekerja menerima baik tanggungjawab kolektif kita untuk mendukung nilai yang dinyatakan dalam Tatakelakuan, mematuhi garis panduan yang bersesuaian, menjalankan perniagaan dan berinteraksi antara satu sama lain dengan cara yang memelihara nilai perniagaan dan melindungi aset syarikat, serta jangan sekali-kali teragak-agak untuk Kongsikan Kekhuatiran Anda atau bersuara.

Rekod Perniagaan

Pekerja yang membuat atau menyelenggara laporan, rekod atau sebarang maklumat lain adalah bertanggungjawab terhadap integriti dan ketepatan maklumat tersebut. Catatan atau laporan yang mencurigakan patut dilaporkan kepada penyelia atau pengurus yang bersesuaian. Tiada sesiapa pun patut membenarkan diri mereka untuk menjadi sebahagian daripada rangkaian maklumat yang tidak betul.

Rekod mesti dikekalkan seperti yang dinyatakan dalam Dasar Pengurusan Rekod kita. Maklumat yang responsif terhadap sesuatu penyiasatan, penyiasatan yang disyaki atau permintaan yang sah di sisi undang-undang mestilah tidak sekali-kali diubah atau dimusnahkan serta mesti dikekalkan seperti yang diarahkan oleh Jabatan Undang-Undang. Pengekalan rekod tersebut mungkin melebihi tempoh pengkalan yang normal.

Integriti Kewangan

Kita berusaha untuk mencipta nilai dengan mencapai keputusan kewangan yang unggul. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, kita mesti sentiasa memberikan maklumat kewangan yang jujur, tepat dan lengkap, mematuhi prinsip dan piawaian perakaunan yang ketat serta mempunyai kawalan dan proses dalaman yang wajar untuk memastikan semua pelaporan perakaunan dan kewangan mematuhi undang-undang.

Semua individu perlu memainkan peranan mereka untuk memastikan bahawa tiada catatan yang salah atau yang berniat mengelirukan dibuat dalam rekod perakaunan syarikat. Salah klasifikasi transaksi yang disengajakan berkenaan dengan akaun, jabatan atau tempoh perakaunan melanggar undang-undang dan dasar syarikat kita. Semua rekod perniagaan mesti mencerminkan transaksi dengan adil, disokong oleh dokumentasi yang tepat dengan butiran yang munasabah serta mematuhi dasar perbendaharaan dan kewangan, tatacara perakaunan dan kawalan dalaman. Terutamanya, semua rekod perakaunan, perbelanjaan, laporan perbelanjaan, invois, baucar, hadiah dan hiburan untuk perniagaan dan sebarang perbelanjaan perniagaan lain mesti dilaporkan dan direkodkan secara tepat dan amanah.

Semua individu mesti mempunyai tanggungjawab untuk mendukung piawaian integriti kewangan syarikat dan bekerjasama sepenuhnya dengan juruaudit dalaman dan luaran. Dalam apa jua keadaan, maklumat tidak boleh dipalsukan atau disembunyikan.

Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Semua individu berkewajipan untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang mengelakkan penyalahgunaan aset perniagaan kita. Kita mesti mematuhi undang-undang pencegahan pengubahan wang haram, jenayah kewangan dan pencegahan keganasan di semua negara tempat kita beroperasi. Untuk mencapai matlamat ini, Solenis mempunyai cara untuk memastikan kita bekerja hanya dengan rakan perniagaan yang bereputasi baik dan beroperasi mengikut undang-undang serta menggunakan sumber yang diperoleh secara sah di sisi undang-undang. Kita menjalankan penilaian wajar yang menyeluruh terhadap pembekal dan pelanggan untuk mengenal pasti sebarang aktiviti yang tidak wajar, termasuk yang mungkin berkaitan dengan wang yang diperoleh secara haram. Proses penggunaan khidmat pembekal dan rakan perniagaan kita merangkumi pemeriksaan identiti dan kelayakan untuk memudahkan perhubungan perniagaan yang telus dengan rakan perniagaan yang mempunyai reputasi yang baik. Kita juga melatih pekerja tentang fungsi yang relevan dalam syarikat untuk membantu mereka mengenal pasti dan mengelakkan aktiviti yang boleh dianggap sebagai pengelakan cukai.

Melindungi Maklumat Sulit dan Harta Intelektual

Melindungi maklumat sulit menjadi kewajipan semua individu dan kewajipan ini berterusan meskipun anda telah meninggalkan syarikat ini. Sebagai contoh, semua pekerja patut mengelakkan berbincang tentang maklumat sulit syarikat (sebagai contoh, maklumat rahsia perdagangan atau proses kimia) di tempat awam atau dengan sesiapa yang tidak perlu mengetahui maklumat tersebut. Semua komputer, terutamanya komputer riba, patut dijaga dengan selamat dan digunakan dengan mematuhi dasar syarikat kita.

Kita menghendaki perjanjian kerahsiaan ditandatangani dengan pihak yang didedahkan maklumat sulit. Soalan tentang kerahsiaan maklumat atau keperluan untuk perjanjian kerahsiaan harus ditujukan kepada Jabatan Undang-Undang.

Tambahan lagi, harta (seperti program dan perisian) serta maklumat (seperti senarai pelanggan, senarai harga, kontrak atau dokumen) yang dimiliki oleh orang lain boleh digunakan hanya berdasarkan syarat-syarat lesen atau perjanjian lain untuk menggunakan harta atau maklumat tersebut. Penyalinan tanpa kebenaran bagi perisian, pita atau buku dan kerja yang dilindungi secara sah di sisi undang-undang ialah satu pelanggaran undang-undang yang berpotensi mendatangkan akibat dari segi kewangan.

Menggunakan harta intelek atau maklumat sulit milik orang lain tanpa kebenaran yang betul adalah dilarang dan boleh mengakibatkan tindakan disiplin (sehingga dan termasuk penamatan kerja), denda yang besar, hukuman jenayah, tuntutan mahkamah sivil dan ganti rugi terhadap syarikat kita dan melanggar individu. Tambahan lagi, kita tidak sepatutnya cuba untuk memujuk atau selainnya menggalakkan pekerja atau bekas pekerja syarikat lain untuk melanggar kewajipan kerahsiaan mereka kepada syarikat tersebut.

Maklumat sulit merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, maklumat teknikal proprietari, pelan perniagaan, status operasi dan peralatan serta data kewangan bukan awam. Maklumat ini

selanjutnya merangkumi maklumat bukan awam yang mungkin berguna kepada pesaing atau memudaratkan Solenis jika diketahui secara awam (seperti penciptaan, rahsia perdagangan, formula, senarai pelanggan dan nasihat undang-undang).

Privasi

Privasi diakui sebagai hak asasi manusia, dan Solenis mengambil serius privasi dan perlindungan data peribadi. Kita mengendalikan data peribadi sebagai data sulit. Kita mengumpulkan dan menggunakan data ini berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Ini terpakai bukan sahaja kepada data pekerja kita, tetapi juga kepada data pelanggan, pembekal, rakan perniagaan dan juga dengan individu yang bekerja dengan kita. Kita mempunyai dasar dan tatacara yang efektif untuk memastikan pengendalian data peribadi sulit yang diamanahkan kepada Solenis adalah sah di sisi undang-undang, adil dan telus. Solenis mempunyai pendekatan privasi data global yang mematuhi kehendak peraturan global yang berkenaan.

Melindungi Aset Syarikat

Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan menggunakan aset syarikat dengan betul dan cekap. Ini merangkumi mengambil langkah yang berhemat untuk melindungi aset daripada kerugian, kerosakan, penyalahgunaan, kecurian, penyelewengan atau kemusnahan. Aset kita bertujuan untuk digunakan bagi menjalankan perniagaan syarikat yang sah. Sebarang tindakan yang membabitkan kecurian, penipuan, penyelewengan, penyalahgunaan atau penggelapan sebarang aset adalah dilarang.

Jika undang-undang yang berkenaan tidak secara khususnya menetapkan selainnya, kerja dan harta lain yang disediakan oleh dan dicipta untuk syarikat dimiliki oleh syarikat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang penciptaan, paten atau hak cipta yang dihasilkan semasa bekerja untuk syarikat.

Memberikan Respons kepada Media

Pekerja patut merujuk Jabatan Komunikasi atau Jabatan Undang-Undang tentang sebarang permintaan yang dikemukakan kepada syarikat, daripada media atau pihak ketiga, berkaitan maklumat tentang Solenis.

Konflik Kepentingan; Pendedahan

Pemegang saham kita mengharapkan keputusan perniagaan dibuat mengikut kepentingan terbaik syarikat dan pemegang saham syarikat. Keputusan dan tindakan anda mesti dibuat berdasarkan pertimbangan perniagaan yang mantap, dan bukannya berdasarkan kepentingan peribadi atau keuntungan peribadi, untuk mengelakkan konflik kepentingan. Oleh itu, elakkan situasi yang menjadikan kepentingan syarikat boleh bercanggah dengan kepentingan peribadi anda.

Apabila konflik kelihatan seolah-olah wujud, hal ini boleh menjejaskan imej syarikat, sama seperti jika konflik itu benar-benar wujud. Pekerja Solenis dikehendaki untuk segera mendedahkan kepada syarikat sebarang situasi yang mempunyai konflik kepentingan atau sebarang situasi yang mempunyai potensi untuk ditafsirkan sebagai konflik kepentingan oleh orang lain, termasuk oleh pekerja, pelanggan, pembekal atau orang awam. Kemungkinan wujudnya konflik kepentingan merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, perkara yang berikut:

- hubungan peribadi yang boleh menyebabkan seseorang pekerja mengutamakan kepentingan peribadinya dengan cara yang tidak patut
- kepentingan kewangan peribadi yang boleh mengganggu tugas berkaitan dengan kerja pekerja
- usaha untuk mencari peluang perniagaan bagi keuntungan peribadi atau keuntungan kewangan, yang menjejaskan kepentingan syarikat
- mandat atau aktiviti luar yang boleh menghalang seseorang pekerja daripada bertindak mengikut kepentingan terbaik syarikat atau memberikan gambaran negatif terhadap Solenis
- penerimaan sebarang yuran yang tidak dibenarkan, komisen atau hadiah atau hiburan yang keterlaluan yang boleh mempengaruhi pertimbangan seseorang pekerja atau menyebabkan seseorang pekerja bertindak dengan cara yang tidak mengutamakan kepentingan syarikat

Pekerja juga mesti mempertimbangkan kemungkinan konflik kepentingan dengan kepentingan perniagaan Solenis sebelum bersetuju untuk berkhidmat sebagai seorang pekerja, pengarah atau pegawai untuk perniagaan luar; sebelum mendapatkan kedudukan politik atau dalam kerajaan; dan sebelum berkhidmat dengan organisasi pertubuhan amal, sivik, keagamaan, pendidikan, awam atau organisasi sosial.

Soalan tentang situasi dan pendedahan sebegini harus dikemukakan secara terus kepada Pejabat Undang-Undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan atau melalui halaman Intranet syarikat Kongsikan Kekhuatiran Anda.

Tanggungjawab kepada Pasaran

Kita bergantung pada hubungan yang kukuh dengan pelanggan, pembekal dan rakan perniagaan lain. Kita berhasrat untuk menjalankan perniagaan hanya dengan individu dan perniagaan yang mematuhi undang-undang serta menunjukkan piawaian yang tinggi terhadap tingkah laku perniagaan beretika. Anda diharapkan untuk mengenal pasti dan melaporkan isu undang-undang atau etika (seperti isu yang membabitkan alam sekitar, kesihatan, keselamatan, pembayaran atau amalan rasuah, atau pelanggaran persaingan/antipakat) berkaitan dengan pihak ketiga atau pelanggan yang boleh merisikokan syarikat. Isu sedemikian akan ditangani dengan segera dan secara wajar.

Amalan Pemasaran

Kita bersaing untuk perniagaan dengan agresif dan jujur serta tidak menyalahgambarkan produk, harga atau perkhidmatan kita. Kita tidak membuat kenyataan yang salah atau mengelirukan tentang produk, harga atau perkhidmatan kita, juga tentang harga dan perkhidmatan pesaing kita.

Amalan Pembelian

Semua keputusan pembelian dibuat berdasarkan nilai terbaik untuk syarikat dan sejajar dengan piawaian serta matlamat perniagaan kita. Komponen penting untuk pembelian merangkumi tindakan mengesahkan keadaan undang-undang dan kewangan pembekal, mematuhi dasar konflik kepentingan kita, meminta sebut harga persaingan, menerokai perjanjian perkongsian dan kontrak berdasarkan insentif serta menentusahkan kualiti.

Pengawasan Produk

Kita menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti yang menambahkan nilai untuk pelanggan kita dan yang boleh digunakan dan diproses dengan cara yang selamat. Kita

berusaha untuk meningkatkan produk yang dijual dengan mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan penggunaan sambil mengekalkan nilai yang diperoleh pelanggan. Syarikat telah menyediakan proses untuk mematuhi peraturan yang khusus kepada sesebuah negara berkenaan dengan pengawasan produk.

Risikan Saingan dan Pengumpulan Maklumat Lain

Kita mendapatkan maklumat tentang pesaing, produk pesaing, pelanggan dan pembekal dengan beretika dan dengan cara yang sah di sisi undang-undang. Kecurian atau penyalahgunaan maklumat proprietari pihak ketiga adalah dilarang, termasuk mendapatkan atau bertindak untuk mendapatkan maklumat tersebut daripada pekerja semasa atau bekas pekerja pesaing tersebut.

Antipakat dan Persaingan

Kita komited untuk mematuhi undang-undang antipakat dan persaingan di semua negara apabila kita menjalankan perniagaan. Undang-undang ini direka bentuk untuk menggalakkan dan melindungi persaingan yang bebas dan adil. Sesiapa yang mempunyai soalan atau kekhawatiran tentang kemungkinan implikasi undang-undang antipakat atau persaingan yang berkenaan dengan sesuatu perbincangan, keputusan (yang berkemungkinan dibuat atau telah pun dibuat), interaksi atau tindakan (yang berkemungkinan dibuat atau telah pun dibuat) bertanggjawab untuk merujuk Jabatan Undang-Undang.

Secara amnya, pekerja disekat atau dilarang oleh undang-undang antipakat dan persaingan, juga oleh dasar syarikat daripada:

- berkomunikasi dengan pesaing tentang harga dan keadaan penjualan, gaji pekerja, bidaan, tahap pengeluaran
- memperuntukkan produk, perkhidmatan, penjualan, pelanggan, pembekal atau kawasan
- menetapkan harga jualan semula sesuatu produk
- menetapkan syarat untuk penjualan produk dalam perjanjian untuk membeli produk Solenis lain
- membuat keputusan untuk menetapkan harga di bawah kos
- bersetuju dengan pihak ketiga untuk mengehadkan pengilangan pengeluaran
- bersetuju dengan pihak ketiga untuk enggan berurusan dengan pelanggan, pembekal atau pesaing tertentu yang lain.

Selain menjatuhkan reputasi kita, melanggar undang-undang antipakat dan persaingan boleh menyebabkan kita dan pelanggan dikenakan denda kewangan yang serius atau dikenakan penguatkuasaan sivil atau jenayah oleh satu kerajaan atau lebih atau difailkan tuntutan mahkamah oleh pesaing, pelanggan atau pihak lain yang terjejas untuk mendapatkan ganti rugi.

Peraturan Perdagangan Antarabangsa

Kebanyakan undang-undang mengawal tatakelakuan perdagangan antarabangsa kita. Bahagian yang berikut mengenal pasti beberapa undang-undang ini.

Antiboikot

Pekerja tidak dibenarkan bekerjasama dalam apa-apa jua cara dengan pemboikotan negara asing tanpa kebenaran seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang Amerika Syarikat. Pemboikotan antarabangsa yang dilarang dan paling terkenal ialah pemboikotan Israel. Sebarang permintaan untuk maklumat atau tindakan yang kelihatan seperti berkaitan dengan

hal ini atau sebarang pemboikotan yang menyalahi undang-undang lain harus dimajukan dengan segera kepada Jabatan Undang-Undang.

Sekatan Ekonomi dan Kawalan Eksport

Undang-undang Amerika Syarikat dan undang-undang kebanyakan negara menyekat perdagangan dengan negara tertentu. Kita mempunyai operasi dan pelanggan di seluruh dunia serta mesti mematuhi semua sekatan ekonomi dan undang-undang kawalan eksport yang berkenaan di semua negara ketika kita menjalankan perniagaan. Pekerja dan ejen yang tidak pasti tentang sekatan yang mungkin dikenakan dan tentang cara untuk mematuhi peraturan perdagangan yang berkenaan harus menghubungi wakil Perdagangan Global di Jabatan Rantaian Bekalan atau Jabatan Undang-Undang.

Antirasuah

Solenis tidak bertoleransi terhadap sebarang bentuk rasuah, termasuk sogokan — secara awam atau persendirian, secara aktif atau pasif. Pekerja dan rakan perniagaan Solenis dilarang daripada memberikan, berjanji untuk memberikan, memancing atau menerima sebarang kelebihan yang tidak wajar, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada atau daripada mana-mana individu atau organisasi dengan niat untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan. Kelebihan yang tidak wajar boleh terdiri daripada sebarang nilai dan datang dalam pelbagai bentuk, termasuk pembayaran (sogokan, rebat yang tidak sah di sisi undang-undang, rasuah), hadiah, makanan dan hiburan.

Peraturan antisogokan dan antirasuah Solenis terpakai secara global bagi semua transaksi awam dan persendirian syarikat. Kebanyakan negara mempunyai undang-undang dan peraturan antisogokan yang ketat, merangkumi Akta Amalan Rasuah Negara Asing Amerika Syarikat dan Akta Sogokan UK. Solenis menggesa pematuhan tegas daripada pekerja dan rakan niaga Solenis terhadap undang-undang ini.

Hadiah, Jamuan dan Hiburan

Dalam kebanyakan industri dan negara, hadiah dan hiburan digunakan untuk memperkukuh hubungan perniagaan. Di seluruh dunia, satu prinsip adalah sama dan jelas: hadiah, pertolongan atau hiburan tidak patut diterima jika penerimaan ini membuatkan penerima berhutang budi atau kelihatan seolah-olah berhutang budi dengan penerimaan ini. Kita mengekalkan dasar yang khusus berkenaan dengan memberikan dan menerima hadiah, jamuan dan hiburan. Dasar ini boleh diakses di Intranet Solenis atau melalui Jabatan Undang-Undang, Pejabat Etika dan Pematuhan atau melalui pengurus anda.

Memberikan dan Perbelanjaan untuk Hadiah

Hadiah, jamuan atau hiburan boleh diberikan jika tidak bertentangan dengan undang-undang atau dasar syarikat penerima.

Sebarang bentuk hiburan tidak boleh diterima, jika hiburan ini boleh secara munasabah membawa kepada perkara yang memalukan syarikat atau kelihatan seolah-olah sesuatu yang tidak sopan. Hiburan yang menjatuhkan maruah atau menindas disebabkan oleh kandungan seksual atau perkauman dilarang dengan tegas. Hadiah yang mempunyai sebarang nilai kepada pegawai kerajaan memerlukan kelulusan secara bertulis yang diperoleh terlebih dahulu daripada Jabatan Undang-Undang.

Memancing atau Menerima Hadiah

Melainkan dibenarkan secara khusus oleh dasar syarikat, anda tidak boleh memancing atau menerima hadiah, makanan atau hiburan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, trip, penginapan, tiket acara, percutian dan ganjaran peribadi. Dasar syarikat kita melarang dengan tegas penerimaan perkara berikut:

- hadiah atau pinjaman tunai, barangan setara tunai (seperti sijil hadiah) atau sekuriti
- pinjaman hartanah, termasuk kemudahan percutian atau peralatan untuk kegunaan peribadi
- perkhidmatan peribadi yang diberikan secara percuma tanpa sebarang caj atau kurang daripada nilai pasaran
- diskaun pada pembelian barangan/perkhidmatan untuk kegunaan peribadi.

Maklumat Dalam

Disebabkan oleh tugas, kita mungkin menerima maklumat sulit tentang Solenis, pelanggan atau syarikat lain yang menjalankan perniagaan dengan kita atau yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan dengan kita, sebelum maklumat ini tersedia secara awam untuk orang lain.

Beberapa maklumat yang bukan awam atau maklumat dalam ini boleh dianggap sebagai amat penting dalam keputusan pelaburan dan boleh memberikan kelebihan yang tidak adil jika sekuriti atau kepentingan perusahaan lain dibeli atau dijual berdasarkan maklumat yang sedemikian. Pekerja dilarang daripada menggunakan, menggalakkan orang lain untuk menggunakan, atau memudahkan penggunaan kepada orang lain tentang maklumat bukan awam Solenis, atau tentang syarikat lain yang menjalankan perniagaan dengan syarikat ini atau yang berhasrat untuk berbuat demikian demi manfaat peribadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada perdagangan sekuriti.

Tanggungjawab kepada Komuniti dan Kerajaan

Melindungi kesihatan manusia dan persekitaran ialah satu tanggungjawab yang penting dan perlindungan ini ialah sebahagian daripada strategi perniagaan kita sebagai syarikat yang mengamalkan Keprihatinan yang Bertanggungjawab. Kita berusaha untuk mengurangkan impak alam sekitar dengan mengurangkan penajaan, pengeluaran dan penyingkiran sisa, serta membentuk proses untuk menggunakan, mengendalikan, mengangkut dan membuang semua bahan mentah, produk dan sisa yang dipertanggungjawabkan kepada kita dengan selamat. Kita membantu orang lain memahami tanggungjawab mereka untuk memastikan mereka menggunakan produk Solenis dengan cara yang selamat dan bertanggungjawab. Kita berusaha untuk membuat peningkatan dalam prestasi dan kerjasama kita dengan agensi kerajaan, kontraktor dan komuniti.

Setiap seorang daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk bertindak dengan cara yang mengurangkan risiko insiden yang boleh menjejaskan kesihatan manusia atau alam sekitar, dan kita diharapkan agar menyokong komitmen ini dengan:

- menjalankan tanggungjawab kita dengan mematuhi undang-undang, peraturan dan dasar syarikat kita
- melaksanakan semua amalan kerja secara konsisten untuk melindungi alam sekitar dan untuk mengelakkan kecederaan peribadi atau kerugian harta
- secara aktif menggalakkan keprihatinan dan kepedulian kepada persekitaran antara rakan sekerja dan dalam komuniti
- mengenal pasti peluang untuk berterusan menambah baik alam sekitar, kesihatan dan prestasi keselamatan

- melaporkan sebarang masalah alam sekitar dan keselamatan yang mungkin berlaku atau benar-benar berlaku, kepada pengurus anda, kepada Jabatan Kesihatan Alam Sekitar dan Keselamatan atau melalui halaman Kongsikan Kekhuatiran Anda di Intranet syarikat.

Komuniti

Kita berusaha untuk mendapatkan peluang untuk bekerja dengan komuniti di tempat kita menjalankan perniagaan. Sebagai warga korporat yang baik, kita bertindak dengan bertanggungjawab, menjalankan operasi dengan selamat dan bersedia untuk menghadapi sebarang kecemasan yang mungkin timbul. Kita juga menyumbang kembali kepada komuniti dengan menyokong dan bekerjasama dengan organisasi pendidikan, sivik dan pertubuhan amal.

Aktiviti Politik

Kebanyakan kerajaan mempunyai undang-undang yang melarang atau mengawal sumbangan korporat kepada parti, kempen atau calon politik dalam bentuk wang tunai atau penggunaan kemudahan, kapal terbang, automobil, komputer, perkhidmatan mel atau kakitangan korporat. Tambahan lagi, dasar syarikat kita sendiri melarang sumbangan politik tertentu, walaupun selainnya dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan. Sebarang penggunaan sumber milik syarikat sebagai sokongan terhadap sebarang sumbangan atau aktiviti politik di mana-mana negara mesti diluluskan terlebih dahulu oleh Jabatan Undang-Undang.

Aktiviti melobi bagi pihak syarikat adalah dibenarkan tetapi dikawal secara ketat oleh undang-undang. Pekerja yang berkomunikasi dengan pegawai kerajaan bagi pihak Solenis mesti menghubungi Jabatan Undang-Undang untuk memastikan aktiviti tersebut mematuhi sepenuhnya undang-undang dan dasar syarikat.

Kita menghormati hak semua orang untuk menyertai proses politik dan melibatkan diri dalam aktiviti politik pilihan mereka masing-masing. Walau bagaimanapun, anda mesti memastikan bahawa pandangan dan tindakan anda secara jelasnya ialah tindakan dan pandangan anda sendiri, bukannya pandangan dan tindakan Solenis. Pekerja tidak boleh menggunakan sumber syarikat untuk menyokong parti, agenda atau calon politik pilihan peribadi mereka.

Permintaan daripada Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa

Solenis memberikan kerjasama apabila menerima permintaan yang munasabah daripada agensi kerajaan atau pihak berkuasa. Solenis berhak untuk menggunakan semua perlindungan yang diberikan oleh undang-undang kepada sesiapa yang diminta maklumat daripadanya atau sesiapa yang menjadi subjek penyiasatan, termasuk mempunyai perwakilan oleh peguam dari awal penyiasatan. Oleh itu, semua permintaan untuk mendapatkan maklumat melebihi permintaan yang dibuat secara rutin mesti dilaporkan dengan segera kepada Jabatan Undang-Undang.

Destinasi untuk Mendapatkan Bantuan, Membuat Laporan dan Berkongsi Kekhuatiran

Setiap pekerja dikehendaki untuk segera membuat laporan (sama ada berdasarkan pengetahuan peribadi atau tidak) tentang sebarang pelanggaran Piawaian Tatakelakuan Perniagaan Global (Tatakelakuan), atau mana-mana dasar atau tatacara korporat, atau mana-mana undang-undang yang berkenaan, yang disyaki atau benar-benar berlaku, dengan

menghubungi Jabatan Undang-Undang, Pejabat Etika dan Pematuhan, Jabatan Sumber Manusia, atau pengurus, atau dengan menyerahkan laporan melalui halaman Intranet Kongsikan Kekhuatiran Anda.

Begitu juga, sebarang isu berkenaan dengan integriti kewangan syarikat, termasuk hal perakaunan atau pengauditan yang diragui, perlu dilaporkan dengan segera kepada Ketua Penasihat Undang-Undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan, atau dengan menyerahkan laporan melalui halaman Intranet Kongsikan Kekhuatiran Anda. Jika diminta, Ketua Penasihat Undang-Undang akan mengatur supaya kekhuatiran diserahkan secara tanpa nama kepada lembaga pengarah.

Fungsi talian penting di halaman Kongsikan Kekhuatiran Anda tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu; perkhidmatan terjemahan tersedia untuk pemanggil yang bertutur dalam bahasa selain bahasa Inggeris.

Nombor tempatan untuk dihubungi bagi talian penting di halaman Kongsikan Kekhuatiran Anda dinyatakan di bawah. Semua panggilan boleh dibuat secara tanpa nama dengan sepenuhnya dan dikendalikan secara sulit. Kami mendedahkan isi penting laporan atau identiti individu yang membuat laporan, jika diketahui, hanya atas dasar bahawa seseorang itu perlu mengetahui hal tersebut, setakat yang dianggap perlu oleh syarikat untuk menjalankan penyiasatan yang menyeluruh dan untuk memberikan respons yang sewajarnya terhadap laporan tersebut.

[Kongsikan Kekhuatiran Anda](#) / Talian Penting:

Amerika Syarikat dan Kanada: 833-203-3981

Untuk negara lain, [klik di sini untuk kod akses dan nombor telefon](#).

Dasar Tiada Tindakan Membalas Dendam

Kami melarang sama sekali sebarang tindakan balas terhadap pekerja yang dengan niat baik melaporkan sebarang pelanggaran sebenar atau yang disyaki terhadap Tatakelakuan ini, dasar syarikat atau undang-undang. Penyerahan laporan palsu yang disengajakan tidak akan dipandang ringan. Jika anda mempercayai anda menjadi mangsa tindakan membalas dendam kerana telah membuat laporan pematuhan dengan niat baik, anda patut menghubungi Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-Undang atau Pejabat Etika dan Pematuhan.

Maklumat Am

Tatakelakuan ini ialah panduan untuk pengurusan seragam berkaitan dengan pengharapan dan peraturan syarikat yang memberikan kesan kepada operasi kita. Kandungan dalam dokumen ini, dasar dan prosedur syarikat, atau mana-mana komunikasi berkaitan (lisan atau bertulis), tidak boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan atau menjamin sebarang kontrak pekerjaan ataupun kesinambungan pekerjaan. Syarikat berhak untuk mengubah suai, menukar atau mengubah mana-mana bahagian dokumen ini pada bila-bila masa, mengikut keperluan.

Ibu Pejabat Solenis Global

2475 Pinnacle Drive Wilmington, Delaware 19803, Amerika Syarikat

Tel: +1 302 594 5000

solenis.com

* Tanda dagang ini dimiliki oleh Solenis atau anak syarikat atau syarikat gabungan Solenis, didaftarkan di pelbagai negara ©2015, 2021, 2022, 2023 Solenis

**Tanda dagang dimiliki oleh pihak ketiga

IN-00023-150 (dikemaskinkan pada Januari 2023)